

1029- KAJIAN PEMAHAMAN MAHASISWA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT) DI LEMBAH KLANG TENTANG CIRI-CIRI RASUAH DALAM PROSES PEMBELAJARAN

**AYU NOR AZILAH MOHAMAD
ZAHANIM AHMAD
HAMDI KHALIS KADRI
AHMAD ADIB AKMAL AHMAD SHATIR**

*Pusat Pengajian Teras,
Universiti Islam Selangor*

ayunorazilah@kuis.edu.my, zahanim@kuis.edu.my, hamdikhalis@kuis.edu.my,
adibakmal@kuis.edu.my

ABSTRAK

Rasuah merupakan gejala penyimpangan moral dan pelaku rasuah adalah orang yang kurang berakhlak. Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga tidak terlepas daripada berlakunya rasuah. Perilaku rasuah yang terjadi di IPT dalam pelbagai bentuk dan cara. Perbuatan rasuah melibatkan sama ada kakitangan institusi atau pun mahasiswa. Artikel ini adalah untuk melihat tahap pemahaman mahasiswa di IPT Lembah Klang tentang ciri-ciri rasuah dalam proses pembelajaran. Metodologi kajian menggunakan kaedah kuantitatif dan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan statistical package for social science (SPSS) versi 26. Dapatan kajian diperoleh dengan cara edaran borang soal selidik secara atas talian. Responden dipilih secara rawak dalam kalangan mahasiswa di Lembah Klang dan seramai 105 orang mahasiswa terlibat dalam kajian peringkat awal untuk dapatan rintis ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa 80 peratus mahasiswa memahami ciri-ciri rasuah. Tahap pemahaman yang tinggi ini diharapkan memberi gambaran bahawa golongan mahasiswa ini tidak akan melibatkan diri dalam perilaku rasuah ketika dalam proses pembelajaran. Ketidakterlibatan mahasiswa dalam perbuatan rasuah ini agar dapat terus dikekalkan sehingga ke alam pekerjaan kelak. Hal ini kerana golongan mahasiswa ini merupakan pewaris pemimpin untuk pembangunan negara Malaysia.

Kata kunci: Rasuah, mahasiswa, IPT Lembah Klang.

PENDAHULUAN

Rasuah merupakan kesalahan yang telah lama berlaku dalam sejarah tamadun manusia. Menurut ahli sejarah amalan rasuah ini telah berlaku serentak dengan kewujudan sistem pemerintahan dan politik (Mahmood, 1990). Terdapat beberapa kes rasuah dalam kalangan pemerintah negara seperti kes presiden Filipina Ferdinand Marcos, Shah Reza dari Iran, Ceausescu dari Romania dan Presiden Richard Nixon dari Amerika Syarikat yang masing-masing telah dihukum akibat penyalahgunaan kuasa dalam pentadbiran (Institut Pengajian Tinggi, 2020). Kegiatan rasuah di negara kita berlaku sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Sifat tamak, dendam, iri hati dan perebutan kuasa dalam kalangan raja dan pembesar-pembesarnya, sehingga sanggup menjual prinsip, maruah serta harga diri. Kerana rasuah, mereka memberikan maklumat sulit kepada Portugis, menyebabkan kejatuhan empayar Kesultanan Melayu Melaka (SPRM & UPSI, 2020).

Warga pendidik merupakan satu kelompok sosial yang dipandang tinggi dalam masyarakat. Sumbangan utama warga pendidik adalah melahirkan generasi unggul yang bakal mencorak pembangunan negara. Alangkah baiknya jika kemajuan negara berpaksikan nilai integriti dan sahsiah mulia warganya. Menginsankan pendidikan di Malaysia mesti bermula dengan warga

pendidik. Warga pendidik seharusnya bebas daripada amalan tidak sihat, terutamanya berkaitan jenayah. Malangnya, realitinya tidak seperti mana yang disangka. Warga pendidik memang sangat jarang dikaitkan dengan jenayah mencuri, merompak, merogol atau membunuh. Namun, agak kerap media melaporkan penglibatan warga pendidik dengan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Dengan kata lain, perbuatan rasuah dalam kalangan warga pendidik bukan kes yang terpencil. Perkara ini amat mendukacitakan kita semua. Tidak mungkin kita mampu menginsankan pendidikan sekiranya mereka yang menjunjungnya adalah korup (Mohamad Tarmize, 2021).

MAKSUD DAN CIRI-CIRI RASUAH

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan seramai 59 kakitangan universiti awam (UA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di seluruh negara ditahan atas pelbagai kesalahan membabitkan rasuah, sejak 2017 hingga Ogos 2022. Terkini, kes membabitkan pengarah di sebuah UA ditahan kerana disyaki menerima kereta sebagai balasan membantu syarikat mendapatkan tender RM1.6 juta. Selain itu, individu yang sama pernah ditahan kerana memalsukan tuntutan membabitkan dana penyelidikan bernilai RM66,000. Rasuah, salah guna kuasa, konflik kepentingan, salah urus kewangan, penipuan perolehan dan pentauliah, nepotisme dan pilih kasih dalam lantikan dan kenaikan pangkat, penyebaran imej, audio dan rakaman berkaitan seks bagi tujuan ugutan atau tawaran seks timbal balas bagi gred, kemasukan pelajar tidak layak dan pelbagai lagi memberi implikasi serius kepada reputasi institusi, selain memusnahkan nilai teras kejujuran yang cuba diterapkan kepada pelajar. Justeru, menjadi tanggungjawab kolektif individu berjawatan di peringkat universiti dan semua golongan dewasa memastikan rasuah, amalan tidak beretika dan ketidakjujuran tidak menjadi perkara yang dipelajari atau diteladani pelajar (Muhammad Yusri, 2022).

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut bimbang dengan sikap golongan terpelajar terhadap rasuah apabila hasil kajian persepsi mendapati kira-kira 16 peratus pelajar IPT sanggup menerima rasuah jika berpeluang dan kuasa. Kajian tersebut mendapat 18.2 peratus pelajar bersedia memberi rasuah agar tidak dikenakan tindakan. Angka ini meningkat sebanyak 0.8 peratus daripada 17.4 peratus pada tahun 2015. Selain itu, kajian juga mendapati jumlah pelajar yang sanggup melaporkan kes rasuah merosot kepada 66.3 peratus berbanding 74.1 pada tahun 2015 dan 74.9 peratus pada tahun 2014. Sedangkan identiti pemberi maklumat dilindungi di bawah undang-undang Akta Pemberi Maklumat dan Akta Perlindungan Saksi. SPRM melancarkan Kempen Wira Anti-Rasuah (WAR) dan menubuhkan Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) di IPT bagi mewujudkan budaya benci rasuah dalam kalangan golongan mahasiswa (Malaysiakini, 2017).

Perkara asas bagi mengelakkan diri daripada terjebak dalam rasuah adalah dengan memahami perbuatan-perbuatan yang boleh dikategorikan sebagai sebagai jenayah itu. Perkataan rasuah berasal daripada bahasa Arab 'risywah' yang membawa maksud sogokan atau pujukan. Secara umumnya, rasuah adalah perbuatan penerimaan atau pemberian suapan bertujuan supaya seseorang itu melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasminya. Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) menjelaskan rasuah bermaksud pemberian untuk menumbuk rusuk (menyogok, menyuap, sogok, suap). Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 pula mendefinisikan rasuah dengan penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak

melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan ini terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah atau diskaun (Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2009).

Menurut Syed Hussein Alatas (2022) pula, rasuah ditakrifkan perbuatan salah guna kuasa untuk mengayakan atau memberikan kelebihan kepada individu, anggota keluarga dan kenalan rapat ketika seseorang itu diamanahkan tanggungjawab menguruskan sesuatu perkara. Rasuah sebenarnya adalah gejala penyimpangan moral dan pelakunya adalah orang yang kurang bermoral atau tidak berakhlak. Ciri-ciri rasuah diringkaskan seperti berikut:

- (a) Suatu pengkhianatan terhadap kepercayaan.
- (b) Penipuan terhadap badan Kerajaan, institusi swasta atau masyarakat umumnya.
- (c) Dengan sengaja mengenyepikan kepentingan umum berbanding kepentingan khusus.
- (d) Dilakukan secara berahsia keculi dalam keadaan di mana orang-orang berkuasa atau bawahannya menganggapkan tidak perlu.
- (e) Melibatkan lebih daripada seorang atau pihak.
- (f) Adanya kewajipan dan keuntungan Bersama dalam bentuk wang atau ganjaran yang lain.
- (g) Terpusatnya kegiatan rasuah pada mereka yang menghendaki keputusan yang pasti dan mereka yang dapat mempengaruhinya.
- (h) Adanya usaha untuk melindungi perbuatan rasuah dalam bentuk-bentuk justifikasi undang-undang.
- (i) Penyataan dwifungsi yang bercanggahan oleh mereka yang melakukan rasuah (Syed Hussein Alatas, 2002).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metodologi kaedah kuantitatif. Borang soal selidik diedarkan secara atas talian kepada mahasiswa yang berada di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Lembah Klang. Responden dipilih secara rawak. Responden perlu memilih jawapan dengan menggunakan skala Ya, Tidak Tahu dan Tidak. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk melihat tahap pengetahuan mahasiswa tentang ciri-ciri rasuah dalam proses pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Lembah Klang. Kajian peringkat awal ini melibatkan 105 orang responden yang dipilih secara rawak dalam kalangan mahasiswa yang berada di IPT di Lembah Klang.

SOROTAN KAJIAN

Terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan rasuah sama ada melibatkan responden dalam kalangan mahasiswa ataupun masyarakat awam. Antaranya ialah kajian oleh Datuk Dr. Anis Yusul Yusoff dan Zarina Muhamad Amin, Institut Integriti (INTEGRITI) bertajuk kajian persepsi mahasiswa mengenai rasuah di Malaysia. Kajian melibatkan mahasiswa di tiga buah universiti iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti

Teknologi MARA dengan 402 responden. Hasil kajian mendapati bahawa sebahagian besar responden mempunyai tahap kefahaman dan pengetahuan yang baik tentang rasuah. Namun terdapat juga responden yang tidak tahu dan kurang memahami perlakuan rasuah.

Selain itu, kajian Azman et al (2022) menjelaskan bahawa terdapat beberapa faktor yang menjadi punca gejala rasuah masih berlaku dan cabaran dalam menangani rasuah. Antara punca berlakunya rasuah ialah kewujudan peluang, gaji yang rendah dan tiada integriti. Usaha menanganinya bukanlah perkara yang mudah tetapi kerjasama dari individu, kerajaan, badan bertanggungjawab seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diharapkan statistik rasuah kian berkurangan.

Seterusnya kajian oleh Nur Syakiran Akmal dan Md Zawawi (2004) mengesyorkan agar budaya katakan tidak kepada rasuah diwujudkan. Di samping itu, ibu bapa turut berperanan penting dalam memberi kesedaran akan gejala rasuah itu salah di sisi undang-undang. Selain itu, diri sendiri juga harus memiliki kesedaran, pengetahuan dan kefahaman tentang rasuah agar tidak terjebak.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26. Penghuraian dibahagikan kepada dua iaitu demografi responden dan penghuraian dapatan kajian. Demografi responden meliputi item jantina, umur, tahun pengajian, etnik dan institusi pengajian. Seterusnya, bagi penghuraian dapatan kajian berdasarkan kepada 10 soalan.

i) Demografi responden

Rajah 1: Jantina

		Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	33	31.4
	Perempuan	72	68.6
	Total	105	100

(Sumber: Ayu Nor Azilah, Zahanim, Hamdi Khalis, Mohd Adib Akmal, 2023)

Rajah 1 menghuraikan tentang jantina responden seramai 105 orang. Seramai 72 orang bersamaan dengan 68.6 peratus adalah perempuan dan 33 orang atau 31.4 peratus adalah lelaki.

Rajah 2: Umur

		Kekerapan	Peratus (%)
Umur	18 - 24	94	89.5
	24 - 30	7	6.7
	31 - 35	1	1.0
	35 - 40	2	1.9

	41 dan ke atas	1	1.0
	Total	105	100

(Sumber: Ayu Nor Azilah, Zahanim, Hamdi Khalis, Mohd Adib Akmal, 2023)

Rajah 2 di atas menunjukkan data umur responden. Majoriti adalah tahap umur dalam lingkungan 18-24 tahun dengan dapatan 94 orang responden atau bersamaan 89.5 peratus. Ini diikuti dengan tahap umur 24-30 tahun seramai tujuh orang responden atau 6.7 peratus. Umur 35-40 mencatatkan dua orang atau 1.9 peratus. Responden paling sedikit ialah satu orang bagi tahap umur 31-35 tahun dan umur 41 tahun dan ke atas bersamaan 1.0 peratus.

Rajah 3: Tahun Pengajian

		Kekerapan	Peratus (%)
Tahun Pengajian	Tahun 1	42	40.0
	Tahun 2	27	25.7
	Tahun 3	28	26.7
	Tahun 4	8	7.6
	Total	105	100

(Sumber: Ayu Nor Azilah, Zahanim, Hamdi Khalis, Mohd Adib Akmal, 2023)

Seterusnya ialah Rajah 3 iaitu Tahun Pengajian. Bagi kategori Tahun Pengajian pula, Tahun 1 adalah yang paling ramai dengan jumlah 42 orang responden bersamaan 40.0 peratus. Ini diikuti dengan Tahun 3 seramai 28 orang responden atau 26.7 peratus. Bagi Tahun 2 pula seramai 27 orang responden atau 25.7 peratus. Tahun 4 adalah paling sedikit iaitu hanya 8 orang responden bersamaan 7.6 peratus.

Rajah 4: Etnik

		Kekerapan	Peratus (%)
Etnik	Melayu	97	92.4
	Cina	1	1.0
	Melanau	1	1.0
	Bidayuh	1	1.0
	Lain-lain	5	4.8
	Total	105	100

(Sumber: Ayu Nor Azilah, Zahanim, Hamdi Khalis, Mohd Adib Akmal, 2023)

Rajah 4 pula adalah kategori etnik. Majoriti responden adalah etnik Melayu dengan 97 orang bersamaan 92.4 peratus. Ini diikuti dengan etnik Cina, Melanau, Bidayuh hanya satu orang responden bersamaan 1.0 peratus. Terdapat etnik lain-lain seramai lima orang responden atau 4.8 peratus.

Rajah 5: Institusi Pengajian

		Kekerapan	Peratus (%)
Institusi Pengajian	UIA	2	1.9
	UIS	44	41.9
	UiTM	20	19.0
	UKM	18	17.1
	UM	17	16.2
	UPM	4	3.8
	Total	105	100

(Sumber: Ayu Nor Azilah, Zahanim, Hamdi Khalis, Mohd Adib Akmal, 2023)

Rajah 5 di atas menunjukkan dapatan kajian bagi kategori Institusi Pengajian. Responden seramai 105 orang ini terdiri daripada mahasiswa dari pelbagai Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Lembah Klang. Universiti Islam Selangor (UIS) mencatatkan jumlah responden tertinggi iaitu 44 orang bersamaan 41.9 peratus. Ini diikuti dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) seramai 20 orang responden atau 19.0 peratus. Seramai 18 orang responden atau 17.1 peratus adalah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Ini diikuti dari Universiti Malaya (UM) seramai 17 orang responden. Empat orang responden bersamaan 3.8 peratus dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan 2 orang responden atau 1.9 peratus dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA).

ii) Penghuraian dapatan kajian

Terdapat 10 item instrument dibina bagi melihat tahap pengetahuan mahasiswa berkaitan dengan ciri-ciri rasuah dalam proses pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Lembah Klang. Skala yang digunakan ialah Ya, Tidak Tahu dan Tidak.

Bagi melihat tahap pengetahuan mahasiswa mengenai ciri-ciri rasuah dalam proses pembelajaran. Pecahan mengikut skor adalah seperti berikut:

Tahap	Skor
Rendah	1.00 – 1.66
Sederhana	1.67 - 2.33
Tinggi	2.34 - 3.00

Tahap	Kekerapan	Peratus (%)
Rendah	3	2.9
Sederhana	18	17.1
Tinggi	84	80.0
Total	105	100.0

Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif. Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan berada tahap tinggi dengan 84 orang responden bersamaan 80.0 peratus. Terdapat 18 orang

responden atau 17.1 peratus berada tahap sederhana. Manakala tiga orang responden dengan 2.9 peratus berada tahap rendah.

Bil	Perkara		Tidak	Tidak Tahu	Ya	Total
1	Rasuah melibatkan permintaan suapan untuk mendapatkan ganjaran tertentu.	Kekerapan	4	5	96	105
		Peratus (%)	3.8	4.8	91.4	100

(Sumber: Ayu Nor Azilah, Zahanim, Hamdi Khalis, Mohd Adib Akmal, 2023)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa 96 orang responden daripada jumlah 105 orang bersamaan 91.4 peratus memberi jawapan Ya bagi pernyataan mengenai rasuah melibatkan permintaan suapan untuk mendapatkan ganjaran tertentu. Terdapat lima orang responden bersamaan 4.8 peratus yang menyatakan Tidak Tahu dan empat orang responden atau 3.8 peratus menyatakan Tidak.

Dari segi undang-undang, sekiranya seseorang itu ditawarkan atau diminta rasuah, beliau wajib membuat laporan kepada SPRM. Perbuatan tidak melaporkan tawaran, pemberian, permintaan atau penerimaan rasuah merupakan satu kesalahan menurut Seksyen 25(2) dan Seksyen 25(4) Akta SPRM 2009. Sekiranya didapati bersalah boleh dipenjarakan atau didenda. Sebenarnya, anda juga boleh menahan mereka yang melakukan rasuah. Rasuah adalah kesalahan yang boleh ditangkap tanpa waran (*seizable offence*) seperti mana diperuntukkan melalui Seksyen 49(1) Akta SPRM 2009. Tangkapan oleh orang awam dibenarkan seperti mana Seksyen 27 Kanun Prosedur Jenayah (SPRM, 2009).

Bil	Perkara		Tidak	Tidak Tahu	Ya	Total
2	Rasuah juga melibatkan pemberian untuk mendapatkan ganjaran.	Kekerapan	6	5	94	105
		Peratus (%)	5.7	4.8	89.5	100

(Sumber: Ayu Nor Azilah, Zahanim, Hamdi Khalis, Mohd Adib Akmal, 2023)

Seterusnya ialah dapatan pernyataan rasuah juga melibatkan pemberian untuk mendapatkan ganjaran. Data diperolehi menunjukkan bahawa terdapat 94 orang responden bersamaan 89.5 peratus menyatakan Ya dengan pernyataan di atas. Terdapat enam orang responden atau 5.7 peratus menyatakan Tidak dan 4.8 peratus atau lima orang responden yang memberi jawapan Tidak Tahu.

Kesalahan berlaku apabila seseorang itu meminta atau menerima suapan sebagai ganjaran melakukan sesuatu perkara yang salah atau tidak mengikut peraturan. Kesalahan ini diperuntukkan melalui Seksyen 16(a) dan 17(a) Akta SPRM 2009. Ramai penjawat awam terjebak dengan kesalahan ini. Sebab utamanya kerana mereka mempunyai kuasa dan peluang untuk berbuat demikian. Warga pendidik juga berisiko terlibat dengan kesalahan ini.

Antara contoh kes adalah pensyarah Matematik terima rasuah untuk menambah markah. Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara sehari dan denda RM25,000 terhadap seorang Pensyarah Matematik selepas didapati bersalah atas lima pertuduhan rasuah. Beliau telah

menerima wang sogokan sebanyak RM1,130 keseluruhannya untuk menaikkan markah dua pelajarinya bagi subjek Matematik dan Statistik. Perbuatan tersebut dilakukan dalam tahun 2011 dan 2012 (MStar, 3 Januari 2014).

Bil	Perkara		Tidak	Tidak Tahu	Ya	Total
3	Rasuah melibatkan urusan tawar-menawar bagi kelulusan projek.	Kekerapan	31	16	58	105
		Peratus (%)	29.5	15.2	55.2	100

(Sumber: Ayu Nor Azilah, Zahanim, Hamdi Khalis, Mohd Adib Akmal, 2023)

Berikutnya adalah dapatan bagi pernyataan rasuah melibatkan urusan tawar-menawar bagi kelulusan projek. Dapatan menunjukkan seramai 58 orang responden atau 55.2 peratus memilih Ya bagi pernyataan di atas. Terdapat 31 orang responden atau 29.5 peratus memilih skala Tidak. Manakala 16 orang responden atau 15.2 peratus menyatakan Tidak Tahu dengan pernyataan yang diberi.

Kesalahan berlaku apabila seseorang itu menawarkan atau memberikan suapan bertujuan untuk mendapatkan sesuatu melalui jalan yang salah. Kesalahan ini diperuntukkan melalui Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009. Contoh kesalahan ini adalah menawarkan rasuah kepada penguat kuasa untuk mengelakkan tindakan undang-undang; memberi rasuah kepada pegawai perolehan untuk mendapat projek/kontrak; menawarkan rasuah kepada pegawai kewangan untuk mempercepatkan proses tuntutan bayaran projek dan lain-lain lagi. Sekiranya warga pendidik ditawarkan rasuah, apa yang perlu dilakukan? Sebagai contoh, ditawarkan rasuah oleh pelajar untuk menaikkan markah peperiksaan; ditawarkan rasuah untuk diterima kemasukan pengajian walaupun sebenarnya tidak layak; atau ditawarkan rasuah supaya lulus tanpa perlu hadir peperiksaan (Mohamed Tarmizi, 2021).

Bil	Perkara		Tidak	Tidak Tahu	Ya	Total
4	Rasuah juga melibatkan tuntutan palsu dalam organisasi.	Kekerapan	16	26	63	105
		Peratus (%)	15.2	24.8	60	100

(Sumber: Ayu Nor Azilah, Zahanim, Hamdi Khalis, Mohd Adib Akmal, 2023)

Dapatan di atas menunjukkan bahawa 63 orang responden bersamaan 60 peratus Ya dengan pernyataan rasuah juga melibatkan tuntutan palsu dalam organisasi. Seramai 26 orang responden atau 24.8 peratus memilih Tidak Tahu. Manakala 16 orang responden atau 15.2 peratus menyatakan Tidak dengan pernyataan di atas.

Kesalahan berlaku apabila seseorang itu mengemukakan dokumen tuntutan yang mengandungi maklumat tidak benar (palsu) kepada sesebuah pejabat (sama ada agensi kerajaan atau swasta). Tuntutan palsu dibuat bagi mendapat keuntungan peribadi. Kesalahan ini diperuntukkan melalui Seksyen 18 Akta SPRM 2009. Contoh kes adalah seperti berikut; Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman penjara setahun dan denda RM10,000 ke atas Dekan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Institut Teknologi MARA (kini Universiti Teknologi MARA). Beliau didapati telah memperakukan pembekalan peralatan Multi Joint 2

AP berharga RM138,600. Padahal, peralatan sebenar yang dihantar adalah Multi Hip yang hanya berharga RM27,965. (Mohamad Tarmize, 2013).

Bil	Perkara		Tidak	Tidak Tahu	Ya	Total
5	Rasuah adalah salahguna kuasa dan kedudukan.	Kekerapan	9	2	94	105
		Peratus (%)	8.6	1.9	89.5	100

(Sumber: Ayu Nor Azilah, Zahanim, Hamdi Khalis, Mohd Adib Akmal, 2023)

Seterusnya ialah dapatan kajian berkaitan dengan pernyataan rasuah adalah salah guna kuasa dan kedudukan. Majoriti responden seramai 94 orang bersamaan 89.5 peratus daripada 105 responden memilih Ya dengan pernyataan ini. Terdapat juga sembilan orang responden atau 8.6 peratus menjawab Tidak. Manakala terdapat dua orang responden atau 1.9 peratus memilih jawapan Tidak Tahu.

Warga pendidik di sekolah kerajaan atau universiti awam perlu berhati-hati agar tidak terjebak dengan kesalahan ini. Sekiranya ahli keluarga memasuki tender atau sebut harga di universiti atau sekolah anda, dua perkara wajib dilaksanakan. Pertama, mengisytiharkan kepentingan dan hubungan anda. Kedua, tidak terlibat langsung dalam sebarang proses pemilihan dan pembuatan keputusan. Berikut adalah kes melibatkan warga pendidik yang telah didakwa dan disabitkan dengan kesalahan salah guna kuasa. Contohnya kes sepasang suami isteri yang bertugas sebagai pensyarah di Kolej Komuniti Padang Terap mengaku bersalah kerana salah guna kuasa. Dalam kes ini, si isteri telah menyediakan Pesanan Kerajaan bagi pembekalan alat ganti kelengkapan elektrik yang bernilai RM34,250.25 kepada syarikat milik adiknya. Seterusnya, si suami telah memperakukan Pesanan Kerajaan tersebut. Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara sehari dan denda RM170,251.25 kepada si suami. 21 Manakala, isterinya dikehendaki berkelakuan baik selama tiga tahun dengan seorang penjamin. (BH Online, 9 Januari 2017).

Bil	Perkara		Tidak	Tidak Tahu	Ya	Total
6	Rasuah terjadi jika seseorang gagal melaporkan potensi atau perbuatan sogokan.	Kekerapan	23	28	54	105
		Peratus (%)	21.9	26.7	51.4	100

(Sumber: Ayu Nor Azilah, Zahanim, Hamdi Khalis, Mohd Adib Akmal, 2023)

Berikutnya adalah dapatan kajian mengenai rasuah terjadi jika seseorang gagal melaporkan potensi atau perbuatan sogokan. Terdapat 54 orang responden atau 51.4 peratus menyatakan Ya dengan pernyataan ini. Selain itu, 28 orang responden atau 26.7 peratus memilih Tidak Tahu dan 21.9 peratus atau 23 orang responden menyatakan Tidak.

Lapor rasuah atau dihukum! Inilah perkara yang perlu diterapkan dalam minda setiap warganegara ini. Jika sebelum ini, peringatan kegagalan melaporkan rasuah itu boleh dianggap sebagai amaran Sahaja. Namun kini, perkara tersebut telah diambil tindakan

sewajarnya. Buktinya, baru-baru ini seramai lima kakitangan Kementerian Kewangan telah dihukum denda oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur selepas mengaku salah tidak melaporkan kepada pihak berkuasa setelah ditawarkan rasuah. Mereka menjadi individu pertama yang didakwa gagal melaporkan tawaran kes rasuah mengikut Seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009. SPRM terus bertindak mengikut lunas undang-undang bagi membuktikan kita boleh melakukan apa saja usaha dalam usaha mencegah rasuah berdasarkan peranan masing-masing. Tindakan mencegah rasuah di Malaysia ini jika diamati sebenarnya telah mencakupi semua aspek sehingga kegagalan melaporkan pun dikira sebagai satu kesalahan jenayah (Shamshun Baharin, 2020).

Bil	Perkara		Tidak	Tidak Tahu	Ya	Total
7	Rasuah melibatkan perbuatan mengugut seseorang untuk mendapatkan sogokan.	Kekerapan	33	13	59	105
		Peratus (%)	31.4	12.4	56.2	100

(Sumber: Ayu Nor Azilah, Zahanim, Hamdi Khalis, Mohd Adib Akmal, 2023)

Berikutnya adalah dapatan kajian bagi pernyataan rasuah melibatkan perbuatan mengugut seseorang untuk mendapatkan sogokan. Terdapat 59 orang responden bersamaan 56.2 peratus menyatakan Ya bagi pernyataan ini. Seramai 33 orang responden atau 31.4 peratus menyatakan Tidak dengan pernyataan ini. Manakala 13 orang responden atau 12.4 peratus menyatakan Tidak Tahu.

Rasuah juga melibatkan perbuatan mengugut. Contohnya kes seorang bekas pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) didenda RM10,000 oleh Mahkamah Majistret di sini, selepas didapati bersalah memeras ugut seorang pegawai polis di Pulau Pinang dalam kejadian tiga tahun lalu. Ketika didakwa pada 30 November 2017, Rommy mengaku tidak bersalah atas pertuduhan memeras ugut seorang pegawai polis yang bertanggungjawab membuat laporan perkembangan aktiviti perjudian haram di daerah Seberang Perai Tengah. Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 384 Kanun Keseksan yang membawa hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebat atau mana-mana dua daripada seksaan itu, jika sabit kesalahan (Nur Izzati, 2020).

Bil	Perkara		Tidak	Tidak Tahu	Ya	Total
8	Rasuah adalah perbuatan mementingkan diri sendiri dengan mengenyepikan kepentingan orang lain.	Kekerapan	8	4	93	105
		Peratus (%)	7.6	3.8	88.6	100

(Sumber: Ayu Nor Azilah, Zahanim, Hamdi Khalis, Mohd Adib Akmal, 2023)

Seterusnya ialah dapatan kajian bagi pernyataan rasuah adalah perbuatan mementingkan diri sendiri dengan mengenyepikan kepentingan orang lain. Majoriti responden seramai 93 orang bersamaan dengan 88.6 peratus memilih Ya bagi pernyataan ini. Terdapat juga lapan orang responden atau 7.6 peratus menjawab Tidak. Manakala empat orang responden atau 3.8 peratus menjawab Tidak Tahu.

Anggota masyarakat juga perlu memiliki nilai amanah yang tinggi kerana dalam banyak situasi, kita menjadi punca rasuah berlaku. Hal ini demikian kerana dek sikap kita yang terlalu mementingkan diri dan mahukan sesuatu, kita mula menyogok pegawai atau mana-mana individu yang ada jawatan dan kuasa. Akibatnya keseluruhan ekosistem operasi perkhidmatan terbabit terpalit dengan rasuah. Jadi, anggota masyarakat perlu buat semakan sendiri terhadap tahap amanah yang dimiliki. Ringkasnya, audit nilai amanah yang kita miliki selama ini. Sewajarnya masalah defisit amanah yang ada pada diri perlu diperkasakan supaya tidak memberi dan menerima rasuah, di samping tidak menggalak mana-mana pihak terpalit dengan gejala rasuah (Harian Metro Online, 2022).

Bil	Perkara		Tidak	Tidak Tahu	Ya	Total
9	Rasuah dilakukan sama ada secara berahsia atau terang-terangan.	Kekerapan	12	4	89	105
		Peratus (%)	11.4	3.8	84.8	100

(Sumber: Ayu Nor Azilah, Zahanim, Hamdi Khalis, Mohd Adib Akmal, 2023)

Selain itu, pernyataan rasuah dilakukan sama ada secara berahsia atau terang-terangan menunjukkan dapatan kajian sebanyak 84.8 peratus bersamaan 89 orang responden menyatakan skala Ya. Namun begitu, terdapat 12 orang responden atau 11.4 peratus memilih Tidak. Di samping itu, terdapat empat orang responden atau 3.8 peratus menyatakan Tidak Tahu dengan pernyataan ini.

Rasuah boleh berlaku di mana-mana sahaja sama ada di tempat sunyi mahupun di tempat yang terang kerana pendinding sebenar perlakuan rasuah adalah takwa dan iman. Kebanyakan manusia ingin cepat kaya dan menganggap harta kekayaan sebagai matlamat utama dalam kehidupan. Rentetan itu mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk mencapai matlamat masing-masing. Pada zaman ini, masyarakat tidak lagi mengamalkan sifat malu dalam kehidupan seharian mereka. Sikap tidak malu inilah punca berlakunya rasuah, pecah amanah, berdusta dan sebagainya. Mereka tidak malu kepada Allah SWT dan tidak malu kepada masyarakat untuk membuat dosa dan maksiat (Saifullah, 2021).

Bil	Perkara		Tidak	Tidak Tahu	Ya	Total
10	Rasuah adalah perbuatan yang menguntungkan pemberi dan penerima.	Kekerapan	17	11	77	105
		Peratus (%)	16.2	10.5	73.3	100

(Sumber: Ayu Nor Azilah, Zahanim, Hamdi Khalis, Mohd Adib Akmal, 2023)

Selain itu, dapatan kajian bagi pernyataan rasuah adalah peraturan yang menguntungkan pemberi dan penerima menunjukkan 77 orang responden bersamaan 73.3 peratus memilih skala Ya. Terdapat juga 17 orang responden atau 16.2 peratus menyatakan Tidak. Seramai 11 orang responden atau 10.5 peratus memilih Tidak Tahu.

Pengajaran daripada sikap berhati-hati yang ditunjukkan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz dalam menerima hadiah kerana kebanyakan manusia kini tidak lagi menapis sumber rezeki

mereka, asalkan apa yang diperoleh menguntungkan mereka. Malah al-Quran juga menukilkan kisah cubaan melakukan rasuah yang dilakukan oleh Puteri Balqis kepada Nabi Sulaiman AS tetapi baginda menolaknya dengan tegas sepertimana dipaparkan oleh Allah SWT di dalam surah an-Naml ayat 35 hingga 37 (Saifullah, 2021).

PENUTUP

Semua individu perlu menolak amalan rasuah untuk memastikan jaminan kesinambungan nasab dan keturunan kekal dalam keadaan suci tanpa dinodai unsur haram yang hanya dapat dibersihkan dengan api neraka Allah SWT. Tuntasnya, siapa pun kita dan apapun kita buat biar berpaksikan nilai amanah. Walaupun perlu akui agak sukar untuk melahirkan negara dan masyarakat yang bebas rasuah sepenuhnya, namun itu bukan alasan kita menjual maruah dan menggadai amanah. Penerapan elemen kejujuran, amanah dan integriti dalam setiap jiwa mahasiswa menunjukkan betapa pentingnya kita melahirkan warganegara yang dapat melaksanakan tanggungjawab dengan ikhlas dan telus. Hasil dapatan menunjukkan bahawa mahasiswa memahami ciri-ciri rasuah dalam proses pembelajaran. Ini bermakna, mengetahui, memahami dan menghayati intipati rasuah amat penting agar kegiatan rasuah boleh dibanteras dan kadar rasuah di negara Malaysia kian berkurangan sekaligus bebas rasuah.

PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan dalam Geran Penyelidikan dan Inovasi (GPIK 2022), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Pusat Pengurusan, Penyelidikan dan Inovasi KUIS (RIMC) dalam meluluskan kajian ini.

RUJUKAN

- Anis Yusal Yusof dan Zarina Mohamad Amin. (2017). *Laporan Hasil Dapatan Kajian Persepsi Mahasiswa Mengenai Rasuah di Malaysia*. Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI).
- Azman Ab. Rahman et al. (2022). *Analisis Faktor-Faktor Gejala Rasuah dan Cabaran Menanganinya di Malaysia*. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. VOL 10 No.1, pp. 90 - 97 | JUNE 2022.
- Harian Metro Online. (20 Jun 2022). Sekali dah hilang kepercayaan ... <https://www.hmetro.com.my/rencana/2022/06/853639/sekali-dah-hilang-kepercayaan>. Dirujuk pada 15 Oktober 2023.
- BH Online (2017). Pasangan Pensyarah Mengaku Terbabit Rasuah. Diekstrak daripada <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/11/2017/01/232179/pasangan-pensyarah-mengaku-terbabit-rasuah>.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kerajaan Malaysia (2009). *Akta Suruhanjaya Pencegahan rasuah Malayisa 2009*. Percetakan Nasional Berhad, Kuala Lumpur.
- Malaysiakini. (19 April 2017). 16% pelajar IPT sanggup terima rasuah, SPRM bimbang. <https://www.malaysiakini.com/news/379681>. Dirujuk pada 14 Oktober 2023.

- MStar (2014). Pensyarah Kolej Swasta Didenda RM25,000 Terima Rasuah. Diekstrak daripada <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/01/03/pensyarah-kolej-swasta-didenda-rm25000-terima-rasuah>.
- Muhammad Yusri Muzamir. (21 September 2022). 59 kakitangan IPT ditahan kerana rasuah sejak 2017. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/09/1002912/59-kakitangan-ipt-ditahan-kerana-rasuah-sejak-2017>. Dirujuk pada 14 Oktober 2023.
- Mohamad Tarmize Abdul Manaf. (2013). *Jerung dalam Jaring Kami*. Penerbit Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Putrajaya.
- Mohamad Tarmize Abdul Manaf. (2021). *Pencegahan Rasuah Ke Arah Menginsankan Pendidikan di Malaysia*. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
- Nur Izzati Mohamad. (30 Oktober 2020). Bekas pegawai SPRM dedenda RM10,000 kerana peras ugut. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/10/748003/bekas-pegawai-sprm-didenda-rm10000-kerana-peras-ugut>. Dirujuk pada 15 Oktober 2023.
- Nur Syakiran Akmal dan Md Zawawi Abu Bakar. (2004). Rasuah...? Katakan Tidak. *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004)*. Hotel City Bayview Langkawi.
- Saifullah Ahmad. (5 Februari 2021). Perbuatan Rasuah Dilaknat Allah. <https://www.sinarharian.com.my/article/122467/khas/rasuah-busters/perbuatan-rasuah-dilaknat-allah>. Dirujuk pada 15 Oktober 2023.
- Shamshun Baharin Mohd Jamil. (1 Disember 2020). *Lapor Rasuah atau Dihukum!* Portal Rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
- Syed Hussein Alatas. (2022). *Rasuah: Sifat, Sebab dan Fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.